

09/12/2001

Usman Awang bukan pendokong reformasi

Imlan Adabi

"TONGKAT minta sajak reformasi!" bisik seorang teman kepada saya suatu hari. Mata kami bertatapan. Reformasi? Hah, bila pula aku pejuang reformasi, bisik hati ini. Mata kami terus bertatapan. Sejuta ragu bercambah di hati, apakah benar Tongkat Warrant pejuang reformasi, lalu mahu mengumpulkan sajak reformasi untuk tatapan ramai?

Pertanyaan demi pertanyaan tidak menemui kesimpulan. Lebih baik berurusan dengan Sasterawan Negara (SN) itu.

Usman Awang ketika dihubungi kemudiannya hanya lembut berhujah. "Bukan reformasi, tetapi perjuangan dan keadilan sosial," tuturnya penuh hemah. Sebagaimana yang kukenali sejak awal 80-an, begitulah Usman yang menerimaku pada suatu hari di kediamannya.

"Abang sedang kumpul sajak yang jelas bicaranya mengenai keadilan sosial dan politik semasa," tuturnya lagi penuh ramah meskipun nada suaranya agak tersekat.

Usman bagai memahami keraguan saya mengenai sajak reformasi yang galak diperkatakan oleh beberapa penyair di Lembah Klang ketika itu. Kononnya beliau membantah penahanan bekas Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dikatakan banyak memberi rezeki kepada sasterawan terkemuka termasuk Usman.

"Sebagai seniman, kita harus kekal menjadi jurubicara masyarakat," tutur Usman lagi sambil mengimbas isu Teluk Gong dan Keranda Bahasa 152 yang mendapat bantahan keras sasterawan Melayu pada dekad 60-an.

"Kenapa dulu kami berpadu suara, kini longlai?" tuturnya lagi. Dia seakan-akan kesal kerana sasterawan masa kini agak bisu daripada membicarakan isu semasa, malahan ada yang lena di bilik berhawa dingin hingga tidak lagi menjadi nadi suara masyarakat.

Atas persetujuan bersama, maka lahirlah kumpulan puisi Dari Derita Bangsa selenggaraan Usman dan Dino SS. Di dalamnya termuat sajak saya di samping SN Datuk A Samad Said, Ahmad Razali, Atondra, Baha Zain, Dinsman, Kemala, Marzuki Ali, Muhammad Salleh, Siti Zainon Ismail dan Usman sendiri.

Rata-rata di kalangan kami mengambil sikap yang jelas dalam berkarya. Isu semasa menjadi topik pengkaryaan kami. Kami dipesan sejak awal lagi agar tidak menimbulkan isu reformasi kerana tujuan Dari Derita Bangsa adalah memperjuangkan isu kemanusiaan dan keadilan daripada perspektif sejagat.

Kami faham, isu reformasi yang banyak diperkatakan sejak 2 September 1998, dimanipulasikan golongan berfikiran sempit, sedangkan reformasi seharusnya dilihat daripada sudut perubahan berfikir, berpendapat dan bertindak.

Memang isu reformasi pernah dikaitkan dalam penerbitan Dari Derita Bangsa. Malahan seorang wartawan Indonesia, Felicia Muhaimin, menulis satu rencana di Jakarta mengenai sekumpulan penyair ternama negara jiran membuat protes secara langsung terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Saya rasa terpuak dengan rencana itu apatah lagi ia dipetik pula oleh beberapa laman web proreformasi tempatan yang mengatakan kami menentang kepemimpinan negara.

Lebih parah lagi apabila di kalangan kami membabitkan tiga sasterawan negara iaitu Usman, SN Samad dan SN Prof Muhammad Salleh, di samping penyair terkenal lain yang kononnya tidak sehaluan dengan pucuk pimpinan

negara.

Beberapa teman menghubungi saya memberitahu Dari Derita Bangsa sudah tersebar di beberapa majlis ceramah anjuran pembangkang dan dideklamasikan secara terbuka dengan nawaitu berbeza.

Keadaan itu cukup merimaskan kerana niat penerbitannya adalah semata-mata untuk membicारा isu semasa secara langsung dan berkesan, bukannya mempunyai matlamat kepartian dengan nawaitu berbeza.

Antologi puisi itu diedar secara sulit, kononnya bimbang diintip pihak berkuasa. Ini satu kelucuan luar biasa kerana Dari Derita Bangsa bukanlah buku politik picisan dan jananan seperti yang disangkakan.

Anehnya, Usman ketika dihubungi kemudiannya bagai terpingga kerana tidak menyedari buku selenggaraannya sudah tersebar secara gelap. "Abang sendiri pun belum melihatnya lagi," tegasnya ketika dihubungi Januari lalu.

Hubungan saya dengan tokoh penyair Melayu moden itu tidaklah serapat hubungannya dengan SN Samad. Saya hanya diperkenalkan oleh Prof Madya Dr Abdullah Tahir (Allahyarham) ketika kami aktif dalam Perkumpulan Penyair Mutakhir pada 1986. Saya menemani Abdullah ke rumahnya di Kampung Tunku kerana satu projek khas.

Meskipun kali pertama menemui saya, Usman tidak lokek memberi tunjuk ajar apatah lagi ketika itu beberapa karya saya kurang diperhatikan oleh pengritik ternama. Usman secara jujur mengakui tidak membaca puisi saya kerana "pada hari ini terlalu ramai penulis baru, sedang saya semakin senja." Saya agak sedih seketika, namun terpaksa menerima hakikat tidak mudah menjadi seniman besar seperti Usman yang dilahirkan pada 12 Julai 1929 di Kampung Tanjung Lembu, Kuala Sedili, Kota Tinggi, Johor itu.

Namun sebagai penulis muda ketika itu, saya tetap kritikal terhadap Usman. Sudah ada suara-suara sumbang terhadapnya, kononnya Usman munafik, hanya karya memperjuang isu sosial, sedangkan beliau enak di bilik berhawa dingin di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebelum bersara.

"Saya bukan munafik, tetapi zaman sudah berubah," tutur Usman. "Saya sakit sekarang dan tidak mungkin boleh menghadiri majlis baca puisi sebagaimana SN Samad. Saya sudah tua dan semakin uzur, Samad masih gagah," tuturnya.

Bagaimanapun Usman mengakui dia adalah antara pelopor majlis baca puisi di pusat pengajian tinggi sejak zaman awal merdeka lagi.

Beliau bersekolah di Kuala Sedili (1936), Mersing (1937) dan Bandar Maharani Muar (1940) hingga lulus darjah VI. Usman pernah menjadi anggota polis apabila Inggeris mula memerintah pada tahun 1946. Pada tahun 1952, beliau bekerja dengan akhbar Utusan Melayu.

Pada 1962, Usman diterima bekerja dengan Penerbitan Federal dan setahun kemudian berkhidmat sebagai sidang pengarang Dewan Bahasa dan kemudian pengarang Dewan Masyarakat, Dewan Sastera dan Dewan Budaya.

Jawatan beliau di DBP ialah sebagai Pegawai Penyelidik Kanan, Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera. Mulai Mei 1982 beliau menjadi Ketua Bahagian sehingga bersara pada Julai 1985.

Ketika Perang Teluk 1991, saya dihubungi oleh Abdul Aziz HM dan Ahmad Bahar dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk turut menjayakan Malam Merpati Putih yang diangkat daripada karya Usman.

"Usman mahu penyair bersuara lantang baca puisi agar Amerika memahami suara seniman kita," tutur Aziz. Saya bersetuju menyertai majlis baca puisi itu semata-mata kerana menghormati permintaan Usman.

Sebaik saja majlis selesai, kami bersantai bersama dan Usman ternyata puas kerana perjuangan kemanusiaan tanpa visa dan pasport berjaya diadakan. Beberapa seniman lain termasuk Rahim Razali, Faridah Marican dan Uji Rashid turut menjayakannya.

Satu lagi pengalaman yang sukar dilupakan bersama Usman ialah apabila beliau `merajuk` kerana dikritik ekorannya kenyataannya yang mengatakan SN

tidak berbeza dengan seniman lain. Isu ini agak hangat malahan ada pihak di DBP menuduh Usman tidak kenang budi DBP yang banyak membantunya.

Kebetulan pula ketika itu, saya dilantik oleh Jabatan Sastera DBP untuk menjayakan projek wawancara Jambak yang diselenggarakan oleh Kemala (Datuk Dr Ahmad Kamal Abdullah). Sebelum ini, saya sudah melaksanakan projek yang sama dengan mewawancara Malungun dan Yahya Samah.

"Beres," kata saya kepada Kemala di DBP sebaik saja menandatangani surat untuk menjayakan projek Jambak. Seperti dua projek sebelumnya, saya menerima jumlah wang tertentu untuk menjayakan proses wawancara dan Usman juga menerima wang selaku tokoh yang bersedia untuk diwawancara.

Malangnya ketika waktu dijanjikan, Usman memeranjatkan saya: "Abang sakit, maaflah tidak dapat menjayakan projek ini!"

Saya merenung wajahnya. Saya tahu, hati kecilnya terluka oleh sikap sesetengah pegawai DBP yang mengkritiknya secara terbuka.

Saya terpukul. Wang DBP yang saya terima sudah habis. Projek tergendala. Saya serba salah. Kemala ketika ditemui beberapa minggu kemudiannya hanya menggelengkan kepala.

Justeru kematian Usman minggu lalu, bukan saja mengingatkan saya kepada Pak Utih yang "punya satu isteri mahu dakap sampai mati, lima anak mahu makan setiap hari" lalu terlena kepada cerita 'pusaka' yang tidak berkesudahan.

Perginya Usman adalah berlalunya satu era dunia kepenyairan Melayu yang santun dengan pantun dan syair di samping tajam dengan akal yang menduga.

Al-Fatihah!

(END)